SAMPEL PERCUMA

Kertas Percubaan STPM Pengajian Am Semester 2 (900/2) + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Nombor kad pengenalan: ..... Nama : .....

900/2 STPM 2023

PENGAJIAN AM

KERTAS 2

(1 jam 30 minit)

SMK PUTRA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2023

Sila koyakkan di sepanjang garis putus-putus ini.

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Calon dikehendaki menjawab **semua** *soalan dalam Bahagian A dan* **satu** *soalan dalam Bahagian B dan Bahagian C.*

Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian A pada ruang yang disediakan.

Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam Bahagian B dan C. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.

Sekiranya bahan yang perlu diperiksa dibuat pada kertas graf pada helaian halaman __, helaian berkenaan hendaklah dipisahkan daripada kertas soalan dan diserahkan bersama dengan kertas jawapan anda.

Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
1	
2	
3	
4	
Bahagian B	
Bahagian C	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 6 halaman bercetak dan 0 halaman kosong

BAHAGIAN A

[15 markah]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Nyatakan **tiga** hasrat negara yang ingin dicapai melalui Rukun Negara. [3]

   (i) _____

   _____

   (ii) _____

   _____

   (iii)_____

   _____

2. Jelaskan **dua** langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam mensejahterakan kehidupan rakyat. [4]

   (i) _____

   _____

   _____

   (i) _____

   _____

   _____

3. Berikan **empat** pendekatan yang digunakan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam Dasar Pembangunan Nasional. [4]

   (i) _____

   (ii) _____

   (iii)_____

   (iv)_____

4. Berikan **empat** prinsip dibawah Dasar Alam Sekitar Negara(DASN). [4]

(i) _____

_____

(ii) _____

_____

(iii)_____

_____

(iv)_____

_____

BAHAGIAN B

[20 *markah*]

*Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan anda hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai bagi menunjukkan eksport industri berasaskan pertanian di Malaysia pada tahun-tahun yang dinyatakan.

Sumbangan eksport sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun dari 7.0 peratus pada tahun 2005 kepada hanya 6.8 peratus pada tahun 2010. Namun demikian, sumbangan KDNK industri berasaskan pertanian meningkat dari 7.0 peratus kepada 7.6 peratus pada tahun 2010. Peningkatan ini adalah disokong oleh galakan yang diberikan oleh pihak kerajaan dengan mengurangkan duti eksport komoditi tersebut. Maka tidak menghairankan apabila berlakunya peningkatan nilai eksport industri makanan berasaskan pertanian mencatat RM 8 627 juta pada tahun 2005 dan diramal meningkat kepada RM 15 803 juta pada tahun 2010. Hasil eksport industri minuman dan tembakau juga diramal meningkat kepada RM 2 446 juta pada tahun 2010 berbanding RM 1 755 juta pada tahun 2005.

Dalam masa yang sama kerajaan menggalakkan keluaran perabut yang berinovatif dan mempelbagaikan jenis keluaran perabut yang berkualiti tinggi. Hal ini telah menyebabkan peningkatan hasil eksport keluaran kayu dan perabut. Hasil eksport industri keluaran kayu diramal meningkat sebanyak RM 4244 juta kepada RM 13 909 juta pada tahun 2010. Sementara hasil eksport industri perabut pula menyumbang sebanyak RM 8 454 juta pada tahun 2005 dan diramal mengalami peningkatan sebanyak 69.56 peratus kepada RM 14 335 juta pada tahun 2010.

Dalam tempoh masa yang sama, hasil eksport industri keluaran getah diramal meningkat daripada RM 6 923 juta pada tahun 2005 kepada RM 11 368 juta pada tahun 2010. Hal ini berlaku lanjutan dari langkah kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri hiliran untuk menghasilkan barangan sekunder berasaskan bahan mentah tempatan. Hasil eksport industri kertas pula diramal mencatat peningkatan sebanyak RM 781 juta pada tahun 2010 berbanding RM 2018 juta pada tahun 2005. Peningkatan hasil eksport industri berasaskan pertanian menggambarkan pertumbuhan yang baik bagi industri pertanian di negara ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Laporan Rancangan Malaysia kesembilan,
2006 – 2010)

6. Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan eksport dan import bahan makanan terpilih di Malaysia pada tahun 2014.

Salah satu komponen eksport dan import Malaysia yang utama ialah bahan makanan. Pada tahun 2014, jumlah eksport bahan makanan Malaysia ialah sebanyak RM9268.6 juta. Manakala jumlah import bahan berkenaan pada tahun tersebut ialah berjumlah RM21896.9 juta.

Pada tahun 2014, Malyasia mengeksport haiwan hidup sebanyak RM 1020 juta, keluaran tenusu sebanyak RM575.3 juta dan buah-buahan dan sayuran-sayuran bernilai RM918.4 juta. Eksport bahan makanan utama yang terbanyak ialah ikan, kerang dan kepah iaitu sebanyak RM1711 juta. Apabila kita membandingkan nilai ini dengan nilai eksport haiwan hidup, ternyata bahan ini mencatat lebihan sebanyak RM691 juta.

Sementara itu, satu lagi bahan makanan penting yang dieksport oleh Malaysia ialah bahan makanan untuk haiwan. Nilai eksport bahan ini mencecah angka RM1002.5 juta. Akhir sekali, eksport bahan-bahan lain meliput hampir 50 peratus daripada eksport bahan makanan Malaysia. Pada tahun 2014, nilai eksport bahan-bahan makanan lain ialah RM4041.1 juta.

Menyentuh import bahan makanan pula, Malaysia mengimport sebanyak RM767.2 juta daging dan penyediaan daging, dan sebanyak RM2364.8 juta keluaran tenusu. Seterusnya Malaysia turut mengimport buah-buahan dan sayuran-sayuran sebanyak RM3255 juta. Sungguhpun, Malaysia merupakan sebuah negara pengeluar padi yang utama, namun negara kita turut mengimport beras sebanyak RM764.8 juta.

Dalam pada itu, import ikan, kerang dan kepah pula mencatat RM591.4 juta lebih banyak berbanding nilai eksport bahan berkenaan. Nilai import bahan makanan untuk haiwan juga jauh lebih besar berbanding nilai eksport bahan tersebut, iaitu lebih RM1163.6 juta. Selain itu Malaysia turut mengimport bahan-bahan makanan yang lain berjumlah RM10276.6 juta.

Secara perbandingan, didapati Malaysia mengimport lebih RM12 628.3 juta bahan makanan berbanding jumlah eksport bahan berkenaan sepanjang tahun 2014. Keadaan ini jelas menunjukkan negara kita masih kurang lagi menghasilkan bahan makanan bagi keperluan rakyat tempatan.

(Disesuaikan daripada *Rancangan Malaysia ke-10*)

BAHAGIAN C

[25 *markah*]

*Pilih **satu** daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara **300 hingga 350 patah perkataan.***

7. Mengamalkan nilai kesopanan dan kesusilan merupakan suatu tuntutan dalam Rukun Negara. Huraikan kepentingan dan langkah-langkah yang berkesan untuk menggandakan semangat tersebut dalam kalangan masyarakat.

8. Masyarakat sering curiga dengan tahap keselamatan makanan yang berada di pasaran.Oleh itu, langkah efektif perlu diambil bagi meningkatkan sistem keselamatan makanan negara. Jelaskan.

Skema Jawapan

Bahagian A

1. Nyatakan **tiga** hasrat negara yang ingin dicapai melalui Rukun Negara. [3 markah]

1.Mencipta satu masyarakat yang adil agar kemakmuran negara dapat dinikmati bersama- sama secara adil.

2.Memelihara cara hidup yang demokratik.

3.Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat.

4.Membentuk satu sikap yang liberal terhadap kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak.

5.Membina sebuah masyarakat progresif dengan menggunakan sains dan teknologi moden.

2. Jelaskan **dua** langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam mensejahterakan kehidupan rakyat. [4 markah]

	Idea	Huraian
1.	Meningkatkan pendapatan rakyat luar bandar	Melalui usaha bantuan kepada petani, pengusaha PKS dan nelayan
2.	Menyediakan peluang pekerjaan yang luas dan upah yang tinggi	dengan menarik pelabur dalam dan luar negara untuk melabur di Malaysia
3.	Menyediakan persekitaran yang bersih dan kurang pencemaran	melalui kempen berterusan dan penguatkuasaan undang-undang
4.	Membanteras jenayah	Mewujudkan keamanan dan keselamatan yang terjamin supaya rakyat berasa selamat seperti Bandar Selamat.
5.	Menyediakan kemudahan prasarana yang lengkap dan moden	Kemudahan asas ditambah dan diperbaiki dari semasa ke semasa baik di bandar mahupun di luar bandar.

Pemarkahan :

Idea - 1 markah
Huraian - 1 markah

5. Graf Bar Kompaun.

PERINCIAN SKEMA PEMARKAHAN BAHAGIAN B

		PA	KT	KI	KJ	Jumlah
A	Salah media : Rujuk jadual.	-	-	-	-	1/20
B.	Maklumat salah 1. Tiada tajuk / salah tajuk / tiada tahun pada tajuk / tiada tempat.	2	2	2	2	8/20
	2. Tiada petunjuk / petunjuk pada muka surat lain.	2	2	2	2	8/20
	3. Tiada peratus / salah nilai atau unit di paksi / jumlah besar / tiada label * / tidak lengkap	2	2	2	2	8/20
C.	1. Sumber tidak lengkap.	5	5	4 ½	3 ½	18/20
	2. Tiada sumber.	5	5	4	3	17/20
	3. Salah unit / nilai pada paksi tetapi skala betul.	5	5	4 ½	3 ½	18/20
D.	Pembezaan sektor 1. Jika menggunakan warna penuh.	5	5	5	5	20/20
	2. Jika berlorek.	5	3	5	3	16/20
	3. Jika menggunakan gabungan warna dan lorekan	5	3	5	3	16/20
	4. Jika menggunakan abjad atau angka.	5	1	5	1	12/20
E.	1. Jika jawapan hanya jadual sahaja. Butiran – 2 markah Tajuk – ½ markah Sumber – ½ markah	-	-	-	-	3/20
	2. Jadual tanpa tajuk/unit/nilai yang lengkap tidak diterima.	-	-	-	-	0/20
	3. Ada tajuk, tetapi salah.	-	-	-	-	2 ½ /20

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar